

# **SISTEM MENTOR: RASIONAL DAN PELAKSANAAN**

**Oleh  
Azman Taher  
Kajian Matematik dan Komputer**

## **ABSTRAK**

Tidak dinafikan bahawa keberkesanan gabungan Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) memainkan peranan “integral” dalam pencapaian objektif ITM. Jadi, sistem mentor yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah di bawah penyeliaan HEP dan pengawasan Unit Kaunseling boleh dijadikan sebagai alternatif dalam membentuk satu kaedah yang boleh merapatkan lagi tali perhubungan antara HEA dan HEP. Dengan ini secara tidak langsung dapat melatih kakitangan akademik menasihati pelajar-pelajar menggunakan pendekatan dan teknik yang sesuai. Di samping itu, dapat melatih pelajar-pelajar menangani masalah mereka dengan lebih berkesan.


## **PENDAHULUAN**

Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) adalah merupakan dua badan yang menjadi penggerak utama atau tunggak dalam mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Institut Teknologi MARA (ITM) tidak terpisah dari kenyataan di atas. Oleh itu, adalah mustahak untuk HEA dan HEP dapat memainkan peranan masing-masing secara berkesan untuk merealisasikan objektif ITM iaitu :-

*“Untuk mendidik Bumiputera menjadi professional yang berkaliber, berdikari, berilmu, dan bertakwa supaya boleh bersaing dalam dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi.”*

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa setakat ini HEA dan HEP telah bertindak seolah-olah dua rakan kongsi yang akrab dalam usaha untuk menghasilkan graduan-graduan yang mantap dan cemerlang dalam pencapaian akademik dan cemerlang dari segi pengisian rohani, jasmani, emosional dan “spiritual”. Aspirasi ini perlu diberikan perhatian sewajarnya dan seterusnya dihayati dalam menyahut cabaran Wawasan 2020 supaya graduan ITM mempunyai keberanian dalam menghadapi cabaran, mempunyai tahap daya saing yang tinggi dan tahan lasak. Walau bagaimanapun, apa yang jelas sehingga sekarang ialah aktiviti-aktiviti akademik berkisar di bilik-bilik kuliah dan aktiviti-aktiviti HEP adalah “dominant” di bilik-bilik asrama atau di kolej-kolej

kediaman. Mungkin terdapat satu kaedah yang lebih efektif dalam usaha untuk menjalin kesinambungan aktiviti dan seterusnya merapatkan lagi perhubungan antara HEP dan HEA.



RAJAH 1 : Peranan HEA dan HEP sekali imbas.

## SITUASI MASAKINI


Apabila pelajar-pelajar datang mendaftar bagi sesuatu sesi pengajian di mana-mana kampus ITM, kita sebagai kakitangan institusi ini secara tidak langsung bersetuju mengambil alih peranan penjaga-penjaga mereka. Dalam erti kata yang lain, kita adalah merupakan "caretaker" pada mereka dalam aspek-aspek pelajaran mahupun pembelajaran, kebajikan serta sosial pelajar-pelajar. Peranan ini harus disedari tidak mengira sama ada kita adalah kakitangan akademik atau sebaliknya.

Apabila terdapat satu populasi pelajar yang datang dari latarbelakang serta mempunyai citarasa yang berlainan, sudah tentulah akan timbul seribu satu macam masalah. Langkah HEP, khususnya bahagian Perhubungan Pelajar HEP, menubuhkan Unit Kaunseling sebagai pakar rujuk untuk menyelesaikan atau meredakan tekanan yang dihadapi oleh pelajar amatlah baik dan usaha murni ini harus diberikan perhatian yang serius. Malangnya, masih ramai lagi pelajar-pelajar yang "segan" untuk menggunakan kemudahan ini. Pelajar-pelajar masih merujuk kepada Ketua Kursus atau pensyarah masing-masing untuk mendapatkan khidmat nasihat kerana mereka rasakan lebih rapat atau lebih mengenali pihak-pihak tersebut. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar antara lainnya ialah masalah akademik, masalah sosial, masalah kewangan dan masalah peribadi.

## SISTEM MENTOR - PENGENALAN

Sistem mentor sememangnya telah diwujudkan di peringkat kursus mahupun di peringkat kajian. Tetapi ia masih disifatkan sebagai satu sistem atau badan yang tidak formal. Walau apa jua pun, sistem mentor dibentuk bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar dalam menghadapi cabaran dan dugaan semasa berada di ITM. Mentor-mentor pula terdiri dari pensyarah-pensyarah terutamanya pensyarah-pensyarah yang pernah atau sedang mengajar pelajar berkenaan. Pensyarah-pensyarah wajar dilantik sebagai mentor kerana mereka merupakan "role model" kepada pelajar-pelajar. Pensyarah-pensyarah juga dianggap sebagai jambatan yang menghubungkan antara pelajar dengan pihak pentadbiran/pengurusan ITM.

Perlu ditekankan di sini bahawa sistem mentor diwujudkan bukanlah bermaksud untuk mengambil alih peranan Unit Kaunseling, tetapi untuk membantu pihak Unit Kaunseling demi kepentingan pelajar.




Rajah 2 : Kedudukan Pelajar dalam Hiraku Pengurusan/Pentadbiran ITM.

## SISTEM MENTOR - PERLAKSANAAN

Semasa Bengkel Pengurusan Pendidikan yang diadakan di Coral Beach Resort, Kuantan anjuran USPP ITM Pahang, salah satu objektif yang dikenal pasti ialah untuk menghasilkan graduan yang seimbang dilengkapi dengan ciri-ciri yang positif. Saya melihat proses mengeluarkan graduan memerlukan dua program input yang saling memerlukan antara satu sama lain iaitu program pengisian ilmu dan program penghayatan ilmu. Aktiviti pengisian ilmu, khususnya ilmu akademik, semuanya adalah tugas dan tanggungjawab hakiki pensyarah yang merupakan teras terhadap pencapaian objektif ITM. HEP melalui program-program seperti BIFA, BIMO, BIMOP, BIKAP, BISIK dan ko-kurikulum atau apa juga aktiviti yang dianjurkan oleh kolej-kolej atau mana-mana badan naungan HEP pula berperanan untuk melengkapkan pengisian ilmu dengan tujuan ilmu yang disampaikan dapat dihayati dan dimanfaatkan supaya graduan-graduan ITM boleh menjadi ahli-ahli masyarakat yang mempunyai daya untuk bersaing, produktif, dinamik, tahan lasak dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik. Perlu ditekankan di sini bahawa program-program input yang tersebut di atas perlu dijalankan secara bersepada dan bukan secara berasingan atau "mutually exclusive."

Memandangkan "scenario" yang diberikan, perlaksanaan sistem mentor wajar diletakkan di bawah Unit Kaunseling, bertujuan untuk menyelaraskan aspirasi bahagian HEP. Oleh kerana mentor lebih berperanan memberi khidmat nasihat, maka keberkesanannya mentor boleh diperhatikan dan seterusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui kursus, bengkel atau perbincangan yang dikendalikan oleh Unit Kaunseling. Dengan ini, "sayap" Unit Kaunseling serta sokongan pihak akademik melalui penglibatan pensyarah-pensyarah dapat disalurkan dengan lebih efisyen dan efektif kepada pelajar-pelajar.



Rajah 3 : Kesepaduan Pengisian dan Penghayatan Ilmu.



Rajah 4 : Perlaksanaan Sistem Mentor.

## KESIMPULAN

Di dalam bidang pengurusan , keupayaan atau kebolehan pengurus-pengurus "mengendalikan" tekanan (stress) dalam cara yang terbaik menyumbang ke arah keberkesanan organisasi secara keseluruhan. Begitu juga, keupayaan pengurus-pengurus melatih subordinat menangani tekanan adalah sama penting dalam mengukur produktiviti subordinat. Di dalam institusi pendidikan, fenomena ini tidak ada perbezaannya. Pensyarah-pensyarah sebagai pengurus-pengurus dan pelajar-pelajar pula memainkan peranan sebagai subordinat. Kebolehan pensyarah-pensyarah sebagai mentor (dengan bimbingan pihak Unit Kaunseling) mengemudikan pengurusan tekanan ("stress management") oleh pelajar-pelajar dapat memberikan kesan yang positif ke arah pencapaian matlamat pelajar-pelajar khususnya dan ITM amnya kerana kita sedia maklum bahawa sebarang ketidakseimbangan mental, emosional atau "spiritual" yang disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi akan melahirkan tekanan yang seterusnya berpotensi mengancam prestasi pelajar-pelajar.

Cadangan yang saya utarakan hanyalah wawasan atau idea saya semata-mata. Artikel ini tidak bermaksud untuk ditujukan kepada mana-mana pihak sama ada sesau badan atau perseorangan. Sekalipun ia satu kritikan, anggaplah sebagai kritikan konstruktif.

## RUJUKAN

Dato' Dr. Hj. Mohd. Mansor Haji Salleh (Pengarah ITM). Amanah Pengarah - Wawasan dan Falsafah ITM Dalam Konteks Kecemerlangan Pengurusan Akademik, Kursus Asas Pengurusan Bagi Pentadbir-Pentadbir Akademik, 31hb. Julai - 2 Ogos 1991, PSPP ITM Shah Alam.

Dr. Ibrahim Hj. Abu Shah (Pengetua ITM Cawangan Sarawak), Keberkesanan Pentadbiran di Institusi Pengajian Tinggi, Kursus Asas Pengurusan Bagi Pentadbir-Pentadbir Akademik, 31 Julai - 2 Ogos 1991, PSPP ITM Shah Alam.

Tuan Shaikh Ibrahim dan Encik Mohd Said Zainol, Ko Kurikulum dan Aktiviti Kolej, Kursus Asas Pengurusan Bagi Pentadbir-Pentadbir Akademik, 31 Julai - 2 Ogos 1991, PSPP ITM Shah Alam.

Tn. Hj. Zain Omar, Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Pendidikan, Bengkel Pengurusan Pendidikan, 10 Ogos 1991, Coral Beach Resort anjuran USPP ITM Cawangan Pahang.